

# Malaysia tambah saringan

Pemeriksaan terhadap warga asing di pintu masuk negara diperketat elak wabak koronavirus

Oleh NOORAINON MOHAMED YUSOF

IPOH

Kerajaan memperketatkan kemasukan warga asing ke negara ini berikutan penularan wabak koronavirus.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye bagaimanapun mengesahkan Malaysia masih bebas daripada wabak tersebut, namun langkah keselamatan diambil segera bagi mengelakkan ia menular ke negara ini..

"Semalam (kelmarin) dilaporkan empat kes disyaki virus itu dan kesemunya telah diperiksa dan disahkan bebas koronavirus."

"Kita akan terus membuat saringan supaya tindakan awal dapat diambil.

"Kita akan pertingkatkan peralatan saringan suhu badan di semua lapangan terbang dan pintu masuk negara," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah (LTSAS) di sini semalam.

Sementara itu, Boon Chye mengesahkan lapan pelancong warga China yang tiba bersama seorang yang diuji positif wabak koronavirus di Singapura telah diquarantinkan di sebuah hotel di Johor kelmarin.



Boon Chye (kanan) beramah mesra bersama seorang penumpang yang tiba dari Singapura di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh semalam.

Beliau berkata, kesemua pelancong yang tiba kelmarin telah diasingkan dan dipantau pasukan kesihatan.

Kelmarin, media Singapura melaporkan seorang warga China diuji positif sekali gus menjadi mangsa pertama wabak koronavirus di negara itu.

Lelaki berusia 66 tahun berasal dari Wuhan, China itu tiba di Singapura bersama sembilan rakan pada Isnin lalu dan menginap di Resort Shangri-La Rasa Sentosa.

Laporan itu turut menyebut lapan individu daripada kumpulan yang tiba bersamanya ke Singapura sudah keluar dari negara tersebut dan kementerian telah menghubungi pihak berkuasa negara yang mereka tuju.



Wanita dan kanak-kanak memakai topeng penutup mulut dan hidung ketika keluar dari Balai Ketibaan Antarabangsa, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Sepang semalam.

FOTO: BERNAMA